

Dakwah ‘pempengaruh Ramadan’ perlu selari syariat Islam

Dr Mastura Mahamed,
Pensyarah
Kanan, Fakulti
Bahasa Moden
dan Komunikasi,
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

Setiap kali Ramadan menjelma, ruang digital di Malaysia dan serata dunia Islam dipenuhi kandungan bertemakan puasa, sedekah dan refleksi spiritual.

Namun, sejak kebelakangan ini, muncul fenomena baharu yang tidak kurang mengundang polemik dalam masyarakat, iaitu kemunculan ‘pempengaruh Ramadan’.

Pempengaruh ini aktif menghasilkan kandungan berkaitan Ramadan, sama ada berbentuk nasihat agama, rutin harian mahupun cabaran viral.

Fenomena ini berkembang selari dengan peningkatan minat generasi muda terhadap kandungan keagamaan yang mudah diakses, interaktif dan relevan dengan gaya hidup moden.

Menurut kajian Digital 2023 oleh ‘We Are Social’, sebanyak 84 peratus pengguna internet di Malaysia aktif di media sosial, dengan menghabiskan masa purata tiga jam sehari.

Ini membuka ruang kepada pempengaruh menyampaikan mesej keagamaan secara kreatif, sekali gus mencetuskan persaingan merebut perhatian penonton.

Tidak dinafikan, sebahagian ‘pempengaruh Ramadan’ berjaya memanfaatkan media sosial sebagai medium dakwah efektif. Namun, di sebalik niat murni golongan ini, terdapat segelintir pempengaruh dilihat mengeksploitasi Ramadan semata-mata mengejar angka tontonan.

Contohnya, ada pempengaruh memuat naik video makan secara berlebihan ketika berbuka, diselang-seli dengan gelak tawa dan promosi produk.

Kandungan sebegini dianggap bertentangan semangat kesederhanaan Ramadan, malah mencetuskan kritikan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam.

Isu lain yang timbul ialah penyebaran kandungan ‘pseudo-dakwah’ tidak berasas. Misalnya, pada awal Ramadan tahun ini, seorang pempengaruh berkongsi infografik amalan palsu ketika Ramadan tanpa menyertakan rujukan hadis sahih.

Kesalahan fakta ini akhirnya diperbetulkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), namun ia menunjukkan risiko penyebaran maklumat ti-

“Persoalan etika dalam penciptaan kandungan berorientasikan ibadah Ramadan menjadi semakin penting. Media sosial adalah ruang bebas, tetapi tema keagamaan memerlukan pendekatan berhemah”

dak sahih pihak tidak bertanggungjawab.

Wajib rujuk sumber sahih

Persoalan etika dalam penciptaan kandungan berorientasikan ibadah Ramadan menjadi semakin penting. Media sosial adalah ruang bebas, tetapi tema keagamaan memerlukan pendekatan berhemah.

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dalam ulasannya berpendapat, kreativiti dalam dakwah digital perlu seimbang dengan penghormatan terhadap syariat.

Maka, pempengaruh wajib merujuk sumber sahih atau ‘tabayyun’ sebelum berkongsi kandungan menyentuh isu agama. Ini langkah penting bagi menjaga kemurnian Islam, selain tidak menimbulkan panik dalam masyarakat.

Justeru, pengguna media sosial perlu peka dua elemen utama, iaitu sumber dan niat. Pempengaruh yang ikhlas biasanya konsisten menghasilkan kandungan keagamaan di luar Ramadan, tidak sekadar ‘berhijrah’ ketika bulan puasa.

Apa yang jelas fenomena ‘pempengaruh Ramadan’ mencerminkan transformasi dakwah pada era digital. Dari satu sisi, ia membuka ruang demokratik penyebaran ilmu, tetapi di sisi lain ia berisiko menjadikan agama sebagai komoditi hiburan.

Bagi memastikan fenomena ini memberi manfaat, kerjasama semua pihak diperlukan. Pempengaruh perlu meningkatkan integriti kandungan, platform media sosial wajib memantau kandungan sensitif dan penonton harus menjadi *filter* untuk tidak menyebarkan maklumat tidak sahih.